

# **YAYASAN SELANGOR**

## **DOKUMEN TENDER**

**NO.TENDER : YS/P/T02/2026**

### **TAWARAN TENDER PENJUALAN HARTA TANAH MILIK YAYASAN SELANGOR**

---



**Pelawaan Tender yang dikemukakan oleh pihak tuan  
adalah tidak berjaya sekiranya pihak tuan tidak menerima  
jawapan dalam masa 3 bulan  
dari tarikh tutup pelawaan Tender**

NO.TENDER : **YS/P/T02/2026**

TAJUK : **TAWARAN TENDER PENJUALAN HARTA TANAH MILIK YAYASAN  
SELANGOR**

**KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Kandungan	2
2.	Senarai Semak	3 - 4
3.	Kenyataan Tender	5
4.	<b>Dokumen A – Arahan Kepada Penyebut Harga</b>	7 – 10
	a) Surat Akuan Pembida	11
5.	b) Keterangan mengenai Petender	12-14
6.	<b>Dokumen B – Syarat-Syarat Tender</b>	16-17
7.	Borang Tawaran Tender	19
8.	<b>Dokumen C – Geran dan pelan tanah</b>	21-23
	- Keterangan harta tanah	24-28

**SENARAI SEMAKAN KEPADA SYARIKAT/PERSEORANGAN/EJEN HARTANAH  
SEBELUM MENGHANTAR DOKUMEN TENDER**

Adalah dinasihatkan kepada semua penyebutharga/penender yang ingin menyertai sebut harga/tender di Yayasan Selangor mengambil perhatian dan perkara-perkara di bawah ini telah diambil tindakan sebelum mengembalikan borang sebut harga/tender ke Yayasan Selangor. Pihak Yayasan Selangor tidak terikat untuk memilih sebarang sebut harga/tender kerana kegagalan pihak syarikat untuk memenuhi perkara-perkara tersebut di bawah. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan amat dihargai. Terima kasih.

Sila tandakan (√) - Jika dokumen disertakan lengkap atau (X) - Jika dokumen tidak disertakan / tidak lengkap di ruangan yang berkenaan.

BIL	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT/ PERSEORANGAN (√ atau X)	UNTUK DITANDA OLEH J/KUASA BUKA PETI SEBUT HARGA YAYASAN SELANGOR (√ atau X)
<b>DOKUMEN WAJIB UNTUK DIISI DAN DITANDATANGANI</b>			
1.	Sila pastikan semua ruang kosong yang dikehendaki di dalam borang sebut harga/tender telah diisi lengkap / dicop / ditandatangani pada muka surat berkaitan yang disediakan.		
	a) Arahan kepada Penyebut harga - m/s 10		
	b) Surat Akuan Pembida - m/s 11		
	c) Keterangan mengenai petender - m/s 12, 13 & 14		
	d) Syarat – syarat tender - m/s 16 -17		
	e) Borang Tawaran - m/s 19		

<b>DOKUMEN LAMPIRAN WAJIB</b> (sila lampirkan dokumen yang dikehendaki mengikut susunan dan dibukukan)			
1.	Profil syarikat lengkap dengan Carta Organisasi Pengurusan dan maklumat latar belakang syarikat <b>(Termasuk salinan SSM, Borang 24, Borang 49, M&amp;A yang diperakui oleh setusaha syarikat bagi syarikat SDN BHD / BERHAD)</b>		
2.	Salinan penyata bulan akaun bank bagi enam (6) bulan terakhir <b>(SEPTEMBER 2025 HINGGA FEBRUARI 2026) ATAU</b> Salinan Penyata Kewangan Syarikat bagi satu (1) tahun kewangan terkini yang <b>disahkan dan diaudit oleh Juruaudit Bertauliah</b>		

3.	<p>Salinan dokumen/surat pengesahan/laporan kewangan/ perakuan yang menunjukkan syarikat mempunyai sumber kewangan lain seperti kemudahan pembiayaan daripada bank/institusi kewangan (contoh: <i>Over Draft (OD)</i>, <i>Simpanan Tetap (FD)</i>, dan sebagainya yang diakui sah oleh pihak institusi berkenaan <b>(jika ada)</b>.</p> <p>Salinan penyata buku ASB/ASN/ASD/ ASW (<i>tidak termasuk pinjaman</i>) atau Tabung Haji yang mempunyai muka hadapan (maklumat pelabur) dan tiga (3) mukasurat terakhir bertransaksi yang disahkan oleh pegawai bank / institusi berkaitan (nama dan no. KP/ cap jawatan pegawai)</p> <p><i>Nota : Semua dokumen berkenaan hendaklah dikemaskini dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh tutup tender</i></p>		
4.	Salinan CTOS dan senarai komitmen (slip gaji / hutang kad kredit / hutang rumah / hutang kereta dan lain-lain yang berkaitan)		
5.	Salinan kad pengenalan bagi penender perseorangan		

<p><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT / PERSEORANGAN / EJEN HARTANAH</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan didalam dokumen sebut harga/ tender. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Cop Syarikat :</p>	<p><b>UNTUK KEGUNAAN YAYASAN SELANGOR</b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut harga/ Tender mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil ..... (jika ada).</p> <p>Tandatangan Pengerusi buka peti :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh:</p>
--	---

## KENYATAAN TAWARAN

### TAWARAN TENDER PENJUALAN HARTA TANAH MILIK YAYASAN SELANGOR

Tarikh pelawaan : 27 FEBRUARI 2026

Tawaran secara **TERBUKA** adalah dipelawa daripada **SYARIKAT / PERSEORANGAN/ EJEN HARTANAH** untuk membeli harta milik Yayasan Selangor seperti dibawah :

Bil	Lokasi /Alamat	Bil Unit/Lot	Harga Rizab/ Unit/Lot
1.	TANAH H.S (D): 28193, LOT PT39639, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN. - 61,390 Meter/persegi	1 LOT	RM19,000,000.00

1. **TAKLIMAT PENJUALAN AKAN DIADAKAN PADA:-**

**Tarikh : 10 MAC 2026**  
**Jam : 11.00 pagi**  
**Tempat : Dewan Tingkat 16, Menara Yayasan Selangor, Petaling Jaya**

2. Dokumen boleh didapati dengan memuat turun (download) dari laman sesawang Yayasan Selangor di [www.yayasanselangor.org.my](http://www.yayasanselangor.org.my) secara percuma dengan mencetak sendiri kertas bersaiz **A4** dan hendaklah dibukukan atau dicantumkan mulai tarikh seperti berikut :

a. **TENDER (YS/P/T02/2026) - Mulai 10 MAC 2026**

3. Petender yang berminat membida lebih dari satu (1) unit/lot hendaklah mengisi borang Tender secara berasingan bagi setiap unit.
4. Borang Tender yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat dan ditandakan nombor tender yang dibida di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender pada atau sebelum;-

**09 APRIL 2026 jam 12.00 tengahari** di alamat:

**BAHAGIAN PEROLEHAN**  
**Tingkat 14, Menara Yayasan Selangor,**  
**No.18A, Persiaran Barat, 46000 Petaling Jaya**  
**Selangor Darul Ehsan**

5. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai yang berikut :

<b>Mengenai Spesifikasi</b>	<b>En. Farizal (03-7669 1120)</b>
<b>Mengenai Dokumen Sebutharga</b>	<b>En. Idrus Bin Mohamed Noor (03-7669 1215)</b> <b>Puan Noor Faradilla Binti Jasni (03-7669 1192)</b> <b>En. Mohd Yazli Bin Kasmin (03-7669 1225)</b>

6. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan.
7. Yayasan Selangor tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan dokumen dan kelewatan penerimaan dokumen. Bukti pengeposan tidak akan diterima sebagai bukti penghantaran dokumen.

**DOKUMEN A**

---

**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**KETERANGAN MENGENAI PETENDER**

**ARAHAN KEPADA PETENDER**

1. Di mana perkataan 'Petender' dinyatakan dalam dokumen ini, ia adalah membawa maksud 'Orang Perseorangan', 'Perkongsian' atau 'Syarikat' yang menyertai sebut harga.
2. Di mana perkataan 'Pihak Pengurusan Yayasan Selangor' dinyatakan dalam dokumen ini ia adalah membawa maksud 'Yayasan Selangor'.
3. Tender ini adalah bagi **TAWARAN TENDER PENJUALAN HARTA TANAH MILIK YAYASAN SELANGOR (YS/P/T02/2026)**
4. Tawaran hendaklah dibuat dengan menggunakan dokumen Tender yang disertakan di sini dengan mengisi ruangan harga yang disediakan dengan teliti.
5. **Petender dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir yang terkandung di dalam dokumen sebut harga sebelum mengisinya. Petender yang melakukan kesilapan dan tidak mematuhi mana-mana syarat/fasal di dalam dokumen Tender ini akan menyebabkan Tender tersebut dibatalkan atau tidak dipertimbangkan.**
6. **Setiap Petender hendaklah : -**
  - 6.1 Di mana sahaja dikehendaki di dalam dokumen Tender ini, meletakkan harga di ruang yang disediakan dan hendaklah diisi/ ditulis **dengan JELAS**, serta ditandatangani dengan sempurnanya setiap muka surat.
  - 6.2 Memasukkan dokumen Tender yang telah lengkap diisi serta ditandatangani dengan sempurnanya ke dalam sampul surat tanpa tanda atau pengenalan syarikat di luarnya yang bertutup dan **berlakri (sealed)**. No. Tawaran Tender hendaklah ditulis di sebelah kiri bahagian atas sampul surat tersebut.
  - 6.3 Sampul tersebut kemudiannya hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tender dan dialamatkan kepada : -

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
YAYASAN SELANGOR  
TINGKAT 14, BAHAGIAN PEROLEHAN  
MENARA YAYASAN SELANGOR  
NO.18A, JALAN PERSIARAN BARAT,  
46000 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

**Tidak lewat dari 09 APRIL 2026, jam 12.00 tengahari**

- 6.4 Tawaran yang tidak lengkap atau tidak ditandatangani adalah dianggap tidak sah dan terbatal.
- 6.5 Semua pembetulan/ pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Tender serta dicop ringkas dengan Cop Syarikat petender. Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda. Pembetulan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

**7. Jika mana-mana Petender : -**

- 7.1 Menarik balik tawaran sebelum tamat tempoh sah atau apa-apa tempoh lanjutan; atau
- 7.2 Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir / tutup yang ditetapkan bagi penyerahan dokumen Tender (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik tawaran ini)

**8. Tawaran dan dokumen-dokumen yang berhubung dengannya : -**

- 8.1 Mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa dan tarikh yang ditetapkan bagi penyerahannya.
  - 8.2 Jika tidak diserahkan secara langsung dengan tangan ke dalam Peti Tawaran, Petender hendaklah menguruskan tawaran dan dokumen-dokumen tersebut dihantar dengan **POS** supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan. Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan. Adalah menjadi tanggungjawab Petender untuk memastikan tawaran dan dokumen-dokumen tersebut sampai di tempat yang ditetapkan.
  - 8.3 Jika tawaran dan dokumen-dokumen tersebut diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan di atas apa jua sebab dan alasan, tawaran dan dokumen-dokumen tersebut tidak akan diterima dan terbatal.
9. **Aset tersebut hendaklah disifatkan telah diperiksa dan diterima oleh Petender apabila dokumen Tender diserahkan kepada Yayasan Selangor dan pembelian aset tersebut adalah pada dasar "keadaan sedia ada (as is where is basis)". Sekiranya telah berpuas hati sebelum menyerahkan dokumen sebut harganya, hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, perkara luar jangka dan segala hal yang berkaitan dengan kontrak yang ditawarkan yang boleh atau mungkin mempengaruhi dan menjejaskan tawaran sebut harganya. Yayasan Selangor tidak memberi sebarang representasi atau jaminan terhadap keadaan aset tersebut dan tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan sebarang kerja pembinaan, kejuruteraan, perubahan atau modifikasi ke atas aset tersebut.**
10. **Harga tawaran ini hendaklah sah dalam tempoh 120 hari dari tarikh tender ditutup dan tempoh tersebut boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila diperlukan.**
12. Dokumen tawaran mestilah ditandatangani oleh seseorang pegawai yang diakui oleh syarikat ataupun seorang yang memegang jawatan pengurusan syarikat dan seorang saksi.
13. Pastikan keseluruhan muka surat dokumen sebut harga ini lengkap. Petender dilarang sama sekali mengoyak, membuka atau mengubah dokumen ini dari keadaan asal.
14. Semua helaian muka surat di dalam dokumen tender ini yang perlu diisi oleh Petender dan mestilah dikembalikan dengan sepenuhnya / lengkap seperti asal dan tidak boleh diceraikan.

15. Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap, kemas dan terang di ruangan yang ditetapkan. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, Petender dibenarkan menulis maklumat-maklumat tambahan di dalam kertas tambahan dan hendaklah ditandatangani oleh Petender serta dicop dengan cop rasmi syarikat.
16. Yayasan Selangor tidak semestinya terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan. Sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad.
17. Semua perbelanjaan bersangkutan dengan tawaran adalah dibawah tanggungan Petender sepenuhnya dan pihak Yayasan Selangor tidak akan membayar sebarang gantirugi yang dialami.
18. Petender hendaklah mengambil maklum bahawa tender ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan Petender untuk melengkapkan tawaran pembelian, disamping harga tender yang munasabah. Bagi maksud itu, Petender akan dinilai berasaskan kedudukan kewangan, dan status syarikat Petender.
19. Untuk membolehkan penilaian dibuat, Penyebut harga adalah dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama dokumen sebut harga:-
  - 19.1 Maklumat latar belakang syarikat dan 6 bulan penyata kewangan, laporan kewangan beraudit dan laporan CTOS.
  - 19.2 Lain-lain surat kemudahan pinjaman yang berkaitan dengan tender.

## 20. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Petender adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu para petender diberi peringatan seperti berikut :

- 20.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.
- 20.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)**.
- 20.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

20.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)**.

Saya / kami, dengan ini mengesahkan bahawa memahami dan bersetuju untuk mematuhi semua syarat dan peraturan yang tersebut di atas.

.....

**Tandatangan Petender**

**Nama** : .....

**Cop Syarikat** : .....

**Tarikh** : .....

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**TAWARAN TENDER PENJUALAN HARTA TANAH MILIK YAYASAN SELANGOR (YS/P/T02/2026)**

Saya, .....  
No.K.P. ....

yang mewakili .....  
Nombor Pendaftaran syarikat .....

Dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Yayasan Selangor atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Yayasan Selangor atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama :  
No. K.P. :

Cop Syarikat :.

## KETERANGAN MENGENAI PETENDER

Semua Penyebut harga/ Petender dikehendaki mengisi borang keterangan ini dengan lengkap. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, Petender hendaklah mengemukakan kertas tambahan dan mestilah ditandatangani dan dicopkan dengan cop syarikat.

### PROFAL PETENDER

1. Nama Penuh Syarikat :  
*(sama seperti di sijil akaun pendaftaran, Kementerian Kewangan Malaysia & SSM)*
  
2. Alamat Syarikat Berdaftar :  
*(sama seperti di sijil akaun pendaftaran, Kementerian Kewangan Malaysia & SSM)*
  
3. Alamat Surat Menyurat :  
*(sama seperti di sijil akaun pendaftaran, Kementerian Kewangan Malaysia & SSM)*
  
4. No. Telefon :H/P :  
Pejabat :  
Fax :  
Email :
  
6. No. Akuan Pendaftaran Syarikat :  
*(sama seperti di sijil akaun Pendaftaran SSM)*
  
7. No. Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia. :  
*(sama seperti di sijil akaun pendaftaran, Kementerian Kewangan Malaysia)* Sah laku (Dari Hingga )
  
6. No. Lesen Agensi Persendirian (Kementerian Dalam Negeri) :  
Sah laku (Dari Hingga )
  
7. Butir-butir Pemilik Syarikat:

**NAMA**

**NO. KAD PENGENALAN**

**JAWATAN**

.....

.....

.....

**KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUT HARGA**

1. MAKLUMAT KEWANGAN  
(Maklumat bank seperti mana penyata bank yang disertakan)

BIL	NAMA BANK	CAWANGAN	NO. AKAUN	BAKI BULAN SEPTEMBER 2025	BAKI BULAN OKTOBER 2025	BAKI BULAN NOVEMBER 2025

BIL	NAMA BANK	CAWANGAN	NO. AKAUN	BAKI BULAN DISEMBER 2025	BAKI BULAN JANUARI 2026	BAKI BULAN FEBRUARI 2026

2. Kemudahan Kredit/Pembiayaan/Sumber Kewangan Lain *(jika ada)*

**Kemudahan kredit/pembiayaan/sumber kewangan lain hanya diambil kira sekiranya petender mengemukakan surat/salinan surat yang diakui sah oleh pihak bank yang mengesahkan syarikat mempunyai kemudahan kredit/pembiayaan dan Laporan Sulit daripada bank/institusi kewangan mengenai kedudukan semasa kewangan petender.**

BIL	BENTUK KEMUDAHAN / PEMBIAYAAN	NILAI (RM)
a.	Overdraf atau Talian Kredit (Baki sahaja)	
b.	Overdraf Bercagar (Baki sahaja)	
c.	Pinjaman Tetap yang akan / layak diperolehi untuk Projek	
d.	Lain-lain (sila nyatakan)	
	<b>JUMLAH</b>	

## PENGAKUAN MAKLUMAT PETENDER

**Saya sebagai Pemilik / Pengarah / Wakil Syarikat membuat pengakuan bahawa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Tender dan salinan dokumen-dokumen yang disertakan disahkan adalah BENAR.**

Jika maklumat yang dinyatakan dalam Borang Tender atau salinan dokumen-dokumen yang disertakan didapati **TIDAK BENAR** atau ada sebarang usaha menyembunyikan maklumat, maka saya bersetuju Tender saya **DITOLAK**

Pemilik / Pengarah / Wakil Syarikat

Saksi

.....  
.....  
(Tandatangan)

Nama :  
No. K/P :  
Tarikh :  
Cop Syarikat :

.....  
.....  
(Tandatangan)

Nama :  
No. K/P :  
Tarikh :

## **DOKUMEN B**

---

### **SYARAT-SYARAT TENDER**

**SYARAT -SYARAT TENDER**

1. Terbuka kepada semua syarikat / Perseorangan / Ejen Hartanah.
2. Aset yang dijual mengikut lokasi yang ditetapkan.
3. Harga tawaran jualan tanah adalah sebanyak **RM19,000,000.00** dan tidak kurang dari jumlah tersebut.
4. Bayaran bagi Petender terpilih adalah seperti berikut :
  - 4.1 **Penyerahan Dokumen Tender** : **2%**  
**(Yuran Komitmen dipulangkan kepada petender yang tidak Berjaya)**
  - 4.2 **Surat Tawaran** : **8%**
  - 4.3 **SPA (Deposit)** : **70%**
  - 4.4 **Baki Bayaran** : **20%**  
**(selepas kelulusan pindahmilik diperolehi)**
5. Aset tersebut hendaklah disifatkan telah diperiksa dan diterima oleh Petender apabila dokumen Tender diserahkan kepada Yayasan Selangor dan pembelian aset tersebut adalah pada dasar "keadaan sedia ada (as is where is basis)". Yayasan Selangor tidak memberi sebarang representasi atau jaminan terhadap keadaan aset tersebut dan tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan sebarang kerja pembinaan, kejuruteraan, perubahan atau modifikasi ke atas aset tersebut.
6. Petender perlu menyertakan salinan CTOS / Salinan 6 bulan Penyata Bank / menyediakan slip gaji dan maklumat berkenaan dengan komitmen bayaran hutang seperti bayaran bulanan hutang kereta, hutang rumah, hutang peribadi, hutang kad kredit dan lain-lain hutang yang berkaitan bagi membuktikan pembeli mempunyai rekod yang baik.
7. Setiap Petender yang berjaya hendaklah menanggung semua yuran, kos dan perbelanjaan peguamcara yang dilantik oleh pihak masing-masing berkaitan dengan Surat Tawaran dan/atau Perjanjian Jual Beli.
8. Keputusan tawaran adalah tertakluk kepada budibicara mutlak Yayasan Selangor dan muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
9. Keputusan tender boleh disemak di laman sesawang Yayasan Selangor.
10. Borang Tawaran ini hendaklah diisikan dengan harga tawaran bagi aset tersebut di atas sampul yang dimeterikan serta ditulis dipenjuru sebelah kiri nombor tender yang dibida untuk dimasukkan kedalam peti Tender dan di alamatkan kepada :-

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
YAYASAN SELANGOR  
TINGKAT 14, MENARA YAYASAN SELANGOR  
No.18A, PERSIARAN BARAT, 46000 PETALING JAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN  
Tel : 03 - 7669 1100**
11. Tarikh tutup tawaran ini pada **09 APRIL 2026** dan borang tawaran mestilah dihantar pada atau sebelum jam 12.00 tengahari.

## **SYARAT -SYARAT KELAYAKAN**

### **1. Pemohon Pekerja Swasta / Kakitangan Kerajaan**

- a. Salinan Kad Pengenalan
- b. Slip gaji 6 bulan terkini
- c. Penyata KWSP
- d. Penyata bank dengan gaji dikreditkan 6 bulan terkini
- e. Borang EA terkini
- f. Surat Pengesahan Pekerjaan dan Imbuhan

### **2. Pemohon Syarikat**

- a. Pendaftaran perniagaan
- b. Penyata bank perniagaan 6 bulan terkini
- c. Salinan penyata cukai pendapatan Ihdn / income tax untuk tempoh 2 tahun terakhir melibatkan bisnes / perniagaan anda bersama-sama bukti resit pembayaran cukai Salinan SSM
- d. Salinan dokumen/surat pengesahan/laporan kewangan/ perakuan yang menunjukkan syarikat mempunyai sumber kewangan lain seperti kemudahan pembiayaan daripada bank/institusi kewangan (contoh: *Over Draft (OD)*, *Simpanan Tetap (FD)*, dan *sebagainya* yang diakui sah oleh pihak institusi berkenaan.

### **3 . Pemohon Berpendapatan Secara Sendiri**

- a. Salinan Kad Pengenalan
- b. Penyata bank perniagaan 6 bulan terkini
- c. Salinan penyata selama 6 hingga 12 bulan terakhir yang menunjukkan bukti pendapatan seperti komisen / elaun tambahan / overtime (OT) dan lain-lain berkaitan (JIKA ADA)
- d. Salinan penyata pencen selama 3 bulan terakhir (JIKA ADA)
- e. Salinan penyata ASB / Tabung Haji yang menunjukkan baki terakhir simpanan (JIKA ADA)
- f. Perjanjian sewa rumah anda yang sah tidak kurang dari 6 bulan dari tarikh luput dan penyata bank 6 bulan yang menunjukkan bukti pendapatan sewa dan hak

Adalah saya/kami mengaku telah membaca arahan ini dan faham dengan sepenuhnya.

.....  
Tandatangan Penyebutharga

Nama:.....

No. K/P.....

.....  
Tandatangan saksi.

Nama:.....

No. K/P:.....

**DOKUMEN D**

---

**BORANG TAWARAN**



## BORANG TAWARAN TENDER

**NO. TENDER : YS/P/T02/2026**

BIL	KETERANGAN	KUANTITI	KELUASAN TANAH	HARGA RIZAB (RM)	HARGA TAWARAN (RM)
1.	TANAH H.S (D): 28193, LOT PT39639, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	1 lot	61,390 meter persegi	19,000,000.00	

Ringgit Malaysia : .....

.....

Nama / Syarikat : .....

No.K/P : .....

Alamat / : .....

No.Telefon : .....

Tarikh : .....

Tandatangan dan Cop Syarikat : .....



Bertarikh pada ..... haribulan ..... 20 .....

**DOKUMEN C**

---

**GERAN DAN PELAN  
KETERANGAN HARTA TANAH**

**GERAN DAN PELAN TANAH**

DHKK

**Kanun Tanah Negara**  
**Borang 11Ac**  
*(Jadual Keenam Belas)*


**HAKMILIK SEMENTARA YANG**  
**BERSAMAAN DENGAN HAKMILIK PEJABAT PENDAFTARAN**

No. H.S.(D) : 28193	Cukai Tahunan: RM3,868.00
---------------------	---------------------------

Negeri : SELANGOR  
 Daerah : SEPANG  
 Mukim : Mukim Dengkil  
 No. P.T. : PT 39639  
 Luas Sementara : 61390 Meter Persegi  
 Kategori Penggunaan Tanah : Bangunan  
 No. Lembaran Piawai : 117-B  
 No. Permintaan Ukur : C 057063  
 No. Fail : PTS/03/PB01/28/0803


Pajakan selama tempoh 99 tahun berakhir pada 26 Mac 2107

Didaftarkan 27 Mac 2008



.....  
*t.t.*  
 Pendaftar

Dokumen hakmilik keluaran dikeluarkan 27 Mac 2008



.....  
*t.t.*  
 Pendaftar


Pelan tanah, bagi maksud pengenalpastian, ialah di dalam Borang B2e.

**SYARAT-SYARAT KHAS MENGENAI HAKMILIK SEMENTARA**

1. Hakmilik ini adalah tertakluk kepada peruntukan Kanun Tanah Negara dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan yang berikut:

---

ID Hakmilik :	101001HSD00028193
Tarikh :	17/07/2024
No. Versi :	2
Muka Surat :	1 [2]



**SDEP5555140**



DHKK

### SYARAT-SYARAT NYATA

Bangunan Kediaman

### SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN

Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri

2. Dalam pelan tanah dalam Borang B2e, sempadan-sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah, belum ditetapkan secara ukur, adalah sementara sahaja.

(Hendaklah dilengkapkan apabila hakmilik dikeluarkan bagi sambungan)

Tarikh mula-mula pemberimilikan : -  
 No. hakmilik asal (tetap atau sementara) : -  
 No. hakmilik terakhir sebelum ini : -  
 (jika bertalian daripada di atas)

### REKOD KETUANPUNYAAN

YAYASAN SELANGOR, No. Syarikat : 723/70, sebagai Pemilik, 1/1 Bahagian  
 NO. 18, YAYASAN SELANGOR, JALAN PERSIARAN BARAT, PETALING JAYA, 46000 SELANGOR.  
 didaftarkan pada 23 Februari 2008 jam 15:00:19  
 No. Perserahan 001MH20157/2008. Hakmilik Sementara Pemberimilikan

### REKOD URUSAN

#### PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

Cukai tanah dipinda dari RM 3,659.00 kepada RM 3,868.00  
 menurut Seksyen 101 Kanun Tanah Negara mulai dari 01 Januari 2017  
 No. Warta SEL.P.U.6 bertarikh 17 Mac 2016



Pendaftar




ID Hakmilik : 101001HSD00028193  
 Tarikh : 17/07/2024  
 No. Versi : 2  
 Muka Surat : 2 [2]

**PELAN TANAH**  
(Hakmilik Sementara)

Saya mengesahkan bahawa \*pelan/pelan lakar yang dikepikan di bawah ini adalah salinan benar \*pelan/pelan lakar tanah. Butiran hakmilik adalah seperti berikut :

*H. S.(D)/H.S.(M) No.	: HSD 28193
Negeri	: Selangor
Daerah	: Sepang
*Bandar/Pekan/Mukim	: Mukim Dengkil
No. Lembaran	: 117-B
No. Lot	: PT 39639
Luas Sementara	: 61390 Meter Persegi

2. Dalam pelan yang di bawah ini, sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah, belum ditetapkan secara ukur, adalah sementara sahaja.



Bertarikh pada ..... 27 MAR 2008 .....  
haribulan .....



## **KETERANGAN HARTA TANAH**

### **BUTIR-BUTIR HAKMILIK**


No.Lot	:	PT 39639
Jenis & No.Hakmilik	:	H.S.(D) 28193
Mukim/Bandar	:	Mukim Dengkil
Daerah	:	Selangor
Luas Tanah	:	61390 meter persegi
Kategori Tanah	:	Bangunan
Cukai Tahunan	:	RM3,868.00
Pegangan	:	Pajakan 99 tahun berakhir 26 Mac 2107
Syarat Nyata	:	Bangunan kediaman
Sekatan Kepentingan	:	Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri
Pemilik Berdaftar	:	Yayasan Selangor (1/1 bahagian)
Tanggungjawab dan Endorsan-endorsan lain	:	Tiada

### **LOKASI**

Lot tanah terletak di lapisan pendalaman daripada Jalan Kajang – Dengkil iaitu kira-kira 2 kilometer, 10 kilometer dan 15 kilometer dari Pekan Dengkil, Cyberjaya dan Putrajaya. Ia boleh dihubungi dari Pekan Dengkil melalui Jalan Kajang –Dengkil dan seterusnya melalui jalan tar sekunder untuk sampai ke lot tanah.

Pembangunan kawasan sekitar adalah terdiri daripada tanah pertanian dan kawasan penempatan seperti Kampung Sri Tanjung, Taman Seri Delima, Taman Gemilang, Taman Permata Dengkil dan sebagainya.

## PELAN LOKASI



## KETERANGAN LOT TANAH

Lot tanah adalah merupakan tanah bangunan dengan keluasan seperti yang dicatatkan dalam hakmilik iaitu 61,390 meter persegi. Lot tanah mempunyai bentuk tidak sekata dan keadaan mukabumi yang rata.

Sebahagian lot tanah didirikan dengan beberapa buah bangunan manakala sebahagian lagi merupakan tanah kosong, sebahagian kecil kolam dan semak samun.

## **BANGUNAN**

Sebahagian lot tanah didirikan dengan beberapa buah struktur bangunan di atas lot tanah yang dikenali tersebut.

Spesifikasi bangunan adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>JENIS BANGUNAN</b>	<b>STRUKTUR/KEMASAN</b>	<b>LUAS LANTAI (mp)</b>
1.	Bangunan Bilik Darjah/Asrama Pelajar Lelaki/Perempuan 3 tingkat (Kekal) a.Blok A b.Blok B	Struktur Bangunan :Konkrit Tetulang Bumbung: Asbestos Siling:Asbestos Dinding:Batul Lepaan Kemasan Lantai:Simen	BU:2,826.82 BL:195.10
2.	Bangunan Perpustakaan/ Kantin 1 tingkat (Kekal)	Struktur Bangunan :Konkrit Tetulang Bumbung: Asbestos Siling:Asbestos Dinding:Batul Lepaan Kemasan Lantai:Simen	BU:232.25 BL:55.74
3.	Bangunan Pondok Pengawal 1 tingkat (Kekal)	Struktur Bangunan :Konkrit Tetulang Bumbung: Genting Siling:Asbestos Dinding:Batul Lepaan Kemasan Lantai:Simen	BU:5.95 BL:-
4.	Pondok Membaca (Separuh Kekal)- 2 unit	Struktur Bangunan :Konkrit Tetulang/Bes Bumbung: Metal Deck Siling:- Dinding:- Kemasan Lantai:Simen	BU:- BL:31.11
5.	Bangunan Storage Tank 1 tingkat (Kekal)	Struktur Bangunan :Konkrit Tetulang Bumbung: Genting Siling:Asbestos Dinding:Batul Lepaan Kemasan Lantai:Simen	BU:5.95 BL:-
6.	Tandas (Separuh Kekal)- 2 unit	Struktur Bangunan :Konkrit Tetulang Bumbung: Metal Deck Siling:- Dinding:Metal Deck/Batu Kemasan Lantai:Simen	BU:18.99 BL:-
7.	Surau/Dewan (Separuh Kekal)	Struktur Bangunan :Konkrit Tetulang Bumbung: Metal Deck Siling:- Dinding:Batul Lepaan Kemasan Lantai:Simen	BU:- BL:314.75
8.	Bangunan Substation TNB	-	-



## KAWASAN SEKITAR

Secara keseluruhan, pembangunan sekitar lot tanah merupakan kawasan Simpanan Tanah Melayu Jenderam. Terdapat pembangunan skim perumahan dan perkampungan kecil di sekitar lot tanah seperti Taman Seri Delima, Taman Gemilang, Taman Permata Dengkil, Kampung Sri Tanjung dan sebagainya dan berada di dalam radius 2 kilometer dari lot tanah.

Lot tanah juga berada lebih kurang 2 kilometer daripada Pekan Dengkil yang terdiri daripada pembangunan bercampur seperti kediaman dan perdagangan. Pembangunan baharu yang terletak berhampiran lot tanah pula ialah Bandar Serenia yang meliputi skim perumahan dan perdagangan iaitu lebih kurang 3 kilometer daripada lot tanah.

## **KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN**

Kemudahan awam seperti bekalan air paip, elektrik dan telefon telah disambungkan di kawasan ini manakala pengangkutan awam seperti bas dan teksi pula boleh diperolehi di kawasan ini dengan melalui jalan utama iaitu Jalan Dengkil - Banting.

Lot tanah adalah terletak di dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)

## **MAKLUMAT PERANCANGAN**

Lot tanah terletak di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp). Berdasarkan semakan Perancangan Tempatan Majlis Perbandaran Sepang 2025 mendapati bahawa lot tanah telah dizonkan sebahagiannya institusi dan perumahan.